

21/11/1997

Pelbagai spekulasi terhadap Taib

KUCHING, Khamis - Persoalan sama ada Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud melarikan diri ketika Sarawak diisytiharkan darurat jerebu pada 19 September lalu mendapat jawapan panjang lebar pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN), hari ini.

Menteri Pembangunan Sosial negeri, Datuk Adenan Satem yang bangun menjawab soalan wakil DAP-Bukit Assek, Wong Ho Leng, bagi pihak Ketua Menteri, mengambil masa setengah jam membaca jawapan bertulis sebanyak 61 perenggan.

Ketika menjawab soalan itu Adenan berkata, dakwaan Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang bahawa Ketua Menteri melarikan diri ke luar negeri dan mendesak beliau agar meletak jawatan sebagai melampau.

Beliau berkata, Kit Siang tidak ada hak berbuat demikian dalam menentukan kepemimpinan negeri Sarawak.

"Rakyat Sarawak yang berhak menentukan kepimpinan negeri ini, bukan beliau mahupun mereka dari luar Sarawak seperti, Johor, Melaka, Kedah dan sebagainya.

"Adalah menjadi hak mutlak rakyat negeri ini memilih sendiri pucuk pemimpin Sarawak melalui amalan demokrasi," katanya.

"Kita tidak mahu orang luar campur tangan dalam soal pengurusan negeri kita. Ini adalah hak yang ada pada rakyat negeri ini untuk memilih sendiri pemimpin kita," katanya.

Menurutnya, desakan Kit Siang seolah-olah menggambarkan beliau adalah orang yang 35 selepas 34 anggota Kongres Amerika yang menuntut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memohon maaf atau meletak jawatan.

Adenan berkata, masalah jerebu melanda Sarawak sejak Julai lalu, diikuti Ogos, September, Oktober dan sebahagian daripada bulan ini.

(END)